

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS PERASMIAN SUKAN MSKWP
Lokasi : DEWAN SERBAGUNA TENAGA NASIONAL, KUALA LUMPUR
Tarikh : 11-01-1991

YBhg. Tan Sri Ahmad Sarji bin Abdul Hamid, Ketua Setiausaha Negara merangkap Penasihat MSKWP; YBhg. Puan Sri Sagiyah Salikin, Pengerusi MSKWP; Dif-dif Kehormat; Ketua-ketua, Pengerusi-pengerusi Pertubuhan Wanita; Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah kurniaNya dapat berkumpul di Dewan Serbaguna Tenaga Nasional (TEN) untuk majlis perasmian Sukan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Wilayah Persekutuan. Saya mengucapkan banyak terima kasih kerana dijemput untuk berucap serta merasmikan Majlis ini.

Puan-puan dan Tuan-tuan,

2. Tidak dapat dinafikan bahawa pertubuhan-pertubuhan wanita di Wilayah Persekutuan telah menunjukkan perkembangan yang menggalakkan. Kaum wanita melalui pertubuhan- 2 pertubuhan telah jauh melangkah ke hadapan. Penglibatan mereka dalam pembangunan negara memang telah mendapat pengiktirafan dan penghargaan. Sewajarnya kalau dikatakan bahawa pertubuhan-pertubuhan wanita ini telahpun mencapai kedudukan yang tinggi dan disegani.
3. Oleh kerana pesatnya perkembangan dan tumpuan terhadap pertubuhan masing-masing maka dirasai bahawa pertubuhan- pertubuhan wanita yang mempunyai matlamat yang agak sama, iaitu memaju dan menggerakkan kaum wanita, perlulah memperluaskan hubungan mereka dengan pertubuhan-pertubuhan wanita yang lain. Jalinan hubungan melalui berbagai-bagai aktiviti seharusnya akan menghasilkan kemesraan dan persefahaman antara ahli-ahli pertubuhan-pertubuhan serta menjalinkan perasaan muhibah dan perpaduan. Daripada hubungan yang kukuh ini, diharap akan dapat menggembelngkan tenaga wanita supaya lebih mudah untuk mencapai sesuatu tujuan dengan lebih berkesan.
4. Dengan harapan inilah maka lahirnya hasrat untuk mengadakan pertandingan badminton antara pertubuhan- pertubuhan wanita agensi-agensi kerajaan sebagai permulaan tetapi sekarang ianya diperluaskan kepada berbagai-bagai aneka sukan. Dengan wujudnya MSKWP maka pertandingan sukan seperti yang akan diadakan mulai hari ini dapat dianjurkan dengan mudah.
5. Tahun ini kita bermula dengan pertandingan badminton dan sukaneka sahaja. Pada masa hadapan acara-acara lain pula mungkin akan dipertandingkan. Adalah diharapkan melalui pertandingan seperti ini MSKWP dapat melahirkan juara-juara yang dapat mengharumkan nama Wilayah Persekutuan ke seluruh negara malah ke peringkat antarabangsa, insya-Allah. Kita berdoa agar apa yang dilakukan hari ini merupakan satu permulaan yang mempunyai kesan jangka panjang yang membanggakan kaum wanita sendiri.
6. Tujuan mengadakan Majlis Sukan ini telahpun dihuraikan oleh Pengerusi MSKWP sebentar tadi. Saya berharap puan-puan akan memahami tujuan yang murni ini dan sama-sama berusaha supaya matlamat tersebut tercapai. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat dalam menjayakan sukan pada hari ini. Sumbangan dan kerjasama PUSPANITA, PELITAWANIS, PERKAP, PETRONITA dan BAKAT membuktikan bahawa pertubuhan-pertubuhan wanita boleh menganjurkan bersama majlis sukan seperti ini dan usaha ini amatlah dihargai.
7. Kepada pasukan-pasukan yang mengambil bahagian saya ucapkan selamat bersukan. Dalam sukan, yang patut menjadi pegangan ialah keazaman, ketabahan dan kecekalan. Walaupun kemenangan menjadi idaman dan harapan, perlulah diingati bahawa dalam sukan menang dan kalah adalah lumrah alam.

Peserta-peserta perlu bersukan dengan gigih dan berusaha mendapat pencapaian yang terbaik.

Puan-puan dan tuan-tuan,

8. Dengan harapan majlis sukan ini akan berlangsung dengan sempurna dan jayanya, maka saya dengan lafaz Bismillahir rahmanir rahim saya rasmikan Majlis Sukan MSKWP ini.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.